

Tunggu hasil laporan teknikal sebelum ulas isu banjir – Syed Hamid

UM 3/2

PUTRAJAYA 2 Feb. – Semua pihak perlu menunggu hasil kajian teknikal mengenai punca yang mengakibatkan banjir teruk di Johor sebelum membuat ulasan mengenainya, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar (**gambar**).

Menurut beliau, ini kerana perkara itu memerlukan kajian teknikal yang disokong dengan fakta-fakta sama ada ia disebabkan oleh kerja-kerja penambakan Singapura di Pulau Tekong atau tidak.

“Pada saya tidak perlu kita berperang di kalangan kita sendiri mengenai punca banjir itu, kita tunggu laporan jawatan kuasa teknikal berkenaan.

“Kita mungkin fikir banyak kemungkinan yang mengakibatkan banjir tetapi kita perlukan sokongan fakta,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Utusan Malaysia hari ini menyiarkan laporan mengenai kerja-kerja penambakan oleh Singapura di Pulau Tekong yang sudah terlalu hampir dengan daratan Malaysia.

Akibatnya, kesan-kesannya kini sudah dirasakan oleh penduduk di pesisir pantai sebelah negara ini.

Walaupun Singapura menafikan dak-



wan bahawa tebus guna tanah di pulau itu sebagai penyumbang kepada banjir teruk tersebut, namun Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman tidak menolak kemungkinannya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kota Tinggi berkata, sejumlah peruntukan telah diberikan kepada pegawai daerah di kawasan itu untuk membina rumah panjang sebagai penempatan sementara kepada penduduk yang terlibat dengan banjir teruk di kawasan itu terutama di Kampung Tembloh.

Rumah panjang itu, katanya adalah bersifat sementara dan penduduk boleh mendudukinya sehingga rumah mereka dibina semula oleh kerajaan.

“Untuk tujuan itu, kita minta penduduk di kawasan itu berpindah dan jika mereka mempunyai masalah, mereka bebas menemui Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan saya sendiri untuk menyatakan masalah itu,” katanya.

Selain penempatan sementara, jelas beliau, pihaknya juga telah menyerahkan bantuan berupa makanan, pakaian dan keperluan harian lain bagi membantu penduduk di Kota Tinggi yang terlibat banjir.